

Latihan 4

Baca surat kiriman di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Tuan,

Bantuan Kewangan untuk Membina Balai Raya

Perkara di atas dirujuk.

2 Pada 1 Jun 2018, ahli jawatankuasa kampung telah mengadakan mesyuarat dan mengambil keputusan untuk membina balai raya baharu di kampung kami bagi menggantikan balai raya yang rosak teruk akibat dilanda banjir baru-baru ini.

3 Balai raya ini amat perlu bagi penduduk Kampung Harmoni yang berjumlah kira-kira 2 500 orang untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Pembinaan balai raya ini perlu dilakukan secepat mungkin.

4 Untuk pengetahuan Yang Berhormat, anggaran pembinaan balai raya baru ini berjumlah RM70 000. Setakat ini pihak kami telah berjaya mengumpul RM45 000 hasil derma orang ramai. Justeru, diharap dapatlah kiranya Yang Berhormat menampung bakinya.

5 Dengan harapan yang tinggi semoga Yang Berhormat dapat memenuhi hasrat yang murni ini. Jasa baik Yang Berhormat disanjung tinggi dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

1 Nyatakan penerima surat ini?

2 Pembinaan balai raya ini perlu dilakukan dengan secepat mungkin kerana

3 Andaikan Yang Berhormat bersetuju untuk memberi bantuan kewangan kepada penduduk Kampung Harmoni. **Berapakah** jumlah wang yang akan diberikan oleh Yang Berhormat?

KBAT Mengaplikasi

4 **Apakah** aktiviti kemasyarakatan yang sesuai dijalankan di balai raya? Nyatakan **tiga** aktiviti. **KBAT** Menganalisis

5 **Pada pendapat kamu, apakah** kepentingan balai raya kepada masyarakat? **KBAT** Menilai

Latihan 15

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jen berjalan-jalan di sekitar kawasan desa yang beribu-ribu kilometer jauhnya dari tanah air. Dia kagum melihat banjaran bukit yang berkabus, sungai yang mengalir jernih, ternakan biri-biri dan menikmati kicauan burung yang merdu. Ketika dia berjalan-jalan itu, dia ternampak seorang wanita tempatan sedang mengendong anak. Mereka berbalas senyuman. Kemudian, dia disapa pula oleh seorang remaja yang bertanyakan asal usulnya. Remaja itu berkerut dahi apabila Jen menyebut Malaysia.

Jen singgah di sebuah warung tepi jalan yang menjual buah-buahan. Antaranya ialah nanas dan epal. Penjual itu memberi Jen sepotong nanas yang sudah masak untuk dimakan. Rasanya sangat manis. Jen berbual-bual dengan penjual itu dan dimaklumkan pertanian merupakan kegiatan utama para penduduk di situ. Jika diikutkan hati, Jen ingin tinggal lebih lama di situ tetapi tugasnya akan berakhir esok. Dia bercadang untuk datang lagi tetapi bukan sebagai wartawan sebaliknya untuk bercuti setelah lama bekerja.

- 1 Mengapakah Jen berasa kagum terhadap kawasan desa itu?

- 2 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah.

Tidak ramai penduduk di desa itu yang bekerja sebagai petani. ()

Jen pergi ke desa itu kerana menjalankan tugas sebagai wartawan. ()

- 3 Pada pendapat kamu, apakah kelebihan kita tinggal di kampung?

KBAT *Mental*

Latihan 5

Baca pengumuman di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Persatuan Kesenian dan Kebudayaan,
Sekolah Kebangsaan Tanjung Lima.

Pertandingan Pantun antara Kelas

Murid-murid sekalian,

Sekolah kita berhasrat menyertai pesta pantun antara sekolah pada peringkat daerah. Oleh itu, pihak sekolah memerlukan murid-murid yang berbakat untuk mewakili sekolah dalam pesta pantun tersebut.

Berhubung perkara tersebut, Persatuan Kesenian dan Kebudayaan sekolah ini akan menganjurkan satu pertandingan pantun antara kelas. Maklumat tentang pertandingan tersebut adalah seperti berikut:

Tema	: Tanah Airku Tercinta
Jumlah Pemantun	: 5 orang (2 orang simpanan)
Tarikh tutup	: 3 April 2018
Tarikh Pertandingan	: 15 April 2018
Hadiah	: Pasukan terbaik – piala, RM300 dan sijil penyertaan Pemantun terbaik – piala, RM100, sijil penyertaan, terpilih mewakili sekolah

Jangan lepaskan peluang ini! Tunjukkan bakat kamu di samping berbakti kepada sekolah. Dapatkan borang penyertaan dan keterangan lanjut daripada Setiausaha Persatuan Kesenian dan Kebudayaan. Daftarlh segera!

Setiausaha Persatuan Kesenian dan Kebudayaan,
Sekolah Kebangsaan Tanjung Lima.

- 1 Nyatakan tujuan pertandingan pantun antara kelas tersebut.

- 2 Siapakah yang menganjurkan pertandingan pantun antara kelas itu?

- 3 Murid kelas 6 Aktif ingin turun serta dalam pertandingan pantun tersebut. Mereka boleh dapatkan borang penyertaan daripada  Menganalisis
